

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN SU KEONG SIONG (KAMPAR)

TARIKH : 20 JULAI 2020

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini hasrat Kerajaan untuk meminda undang-undang yang dianggap zalim dan menindas seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012; Akta Hasutan dan lain-lain undang-undang drakonian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan berpandangan bahawa Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) [Security Offences (Special Measures) Act, SOSMA] 2012 masih relevan dan penting bagi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih memerlukan undang-undang sedemikian bagi membanteras dan membendung ancaman-ancaman keselamatan seperti penganas dan juga sindiket jenayah terancang.

Kerajaan komited untuk menambahbaik undang-undang keselamatan termasuk SOSMA dan Akta Hasutan. Dalam hal ini kajian yang lebih terperinci perlu dilaksanakan bagi memastikan keamanan dan keselamatan negara sentiasa terpelihara.